

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu Bahagian D.

BAHAGIAN A

[25 markah]

- 1** Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. **Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

(i) Sebuah kilang memeroses getah dibuka di kampung itu pada bulan lepas.

(ii) Masyarakat di negara kita amat beruntung kerana dapat menikmati pelbagai jenis buah di musim buah-buahan.

(iii) Penduduk di kampung itu saling hormat-menghormati antara satu dengan yang lain tidak kira tua mahu pun muda.

(iv) “Kita tidak terangkat kotak itu kerana terlalu berat,” kata Amin setelah disuruh oleh ayahnya supaya mengangkat kotak tersebut bersama-sama Kamal.

(8 markah)

- 2** Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan ejaan. **Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

(i) Kamal menunton basikalnya yang rosak itu ke kedai untuk dibaiki.

(ii) Keperihatinan pegawai pertanian terhadap masalah pekebun-pekebun kecil di kawasan itu amat dihargai.

(iii) Generasi pasca merdeka perlu mempunyai nilai patriotisme supaya tanah air terpelihara.

(3 markah)

3 Nyatakan pola ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan **Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN)**, **Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)**, **Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)** atau **Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS)**.

(i) Badan lelaki itu sungguh tegap dan sasa.

(ii) Perempuan yang berada di kaunter itu kakak saya.

(iii) Ayah sedang menebang pokok kelapa.


(iv) Encik Rosli seorang guru di Sekolah Menengah Taman Aman.

(v) Ibu saya seorang yang peramah.


(10 markah)

- 4 Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan pasangan gambar tersebut, tulis **satu** peribahasa yang sesuai.

(i)



(ii)



(4 markah)

BAHAGIAN B

[30 markah]

- 5 Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kau tak rindu akan pisau cukur yang pernah tergores di leher jenjangmu? Manis, sudah lapan bulan abah tidak menggunting rambutmu. Betulkah alasan yang selalu kauberikan waktu kita berbual di telefon?

“Manis betul-betul tak dapat balik. Manis sibuk sebab sekarang tahun akhir. Abah janganlah risau rambut Manis sentiasa pendek dan kemas. Manis gunting di salun rambut Cina.”

Manis, adakah kau faham? Abah terlalu akan rindu kau. Jari-jemari abah ni seperti menari-nari sendiri setiap kali teringat akan rambut hitammu itu. Manis, kau tak perlukan tenaga abah lagi?

“Abah, kawan Manis telefon,” ujar anak lelaki sulungku cemas.

Lamunan panjangku terhenti di situ. Segera aku meninggalkan perkakas menggunting rambut di dalam pegangan. Petang itu juga, kami bergegas ke Kuala Lumpur. Manis sakit rupa-rupanya. Ketiga-tiga anak lelakiku tidak putus-putus menenangkan perasaanku. Kami tiba lewat di hospital, namun Manis tetap tersenyum menyambut kedatangan kami.

Kenapa aku tak pernah maklum bahawa Manis menghidap leukemia? Patutlah Manis selalu kurang sihat. Patutlah manis sudah lama tidak menjengah kampung. Patutlah Manis berbohong kepadaku. Manis akan mengikut jejak ibunya. Manis akan meninggalkan kami semua. Manis akan meninggalkan aku.

(Dipetik daripada cerpen “Anak Penggunting Rambut”,
antologi Gema Sepi Gadis Genius, Tingkatan 2,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan petikan di atas, siapakah sebenarnya Abah? (3 markah)

- (ii) Huraikan **tiga** nilai murni yang terdapat dalam petikan tersebut. (3 markah)

- (iii) Pada pandangan anda, mengapakah kita tidak boleh melupakan jasa keluarga di kampung? (4 markah)

- 6 Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PERSAHABATAN

(Mohd Amran Daud)

I

Seorang kanak-kanak
berbaju kurung nampak cantik
berlesung pipit beralis lentik bermain-main
riang, bermain keseorangan
pada wajahnya meriak gembira
pada bibimya menguntum ceria
berderai ketawa mengocak suasana.

II

Seorang kanak-kanak
berpakaian ceongsam bertocang dua
bergincu pipi tampak ceria
tiba-tiba datang menerpa bertegur sapa
menghulur senyum dan ketawa manja
pada wajahnya menyerlah keriang
mereka bermain alang-kepalang
berkejar-kejaran tanpa halangan.

(Dipetik daripada antologi
Gema Sepi Gadis Genius, Tingkatan 2,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

III

Seorang kanak-kanak
bersari bergelang kaki
bertindik hidung menguntum seri
melihat saja telatah manja
si cornel berdua, bermain, dan tertawa
dirinya bagai digamit bermain bersama
mengongsi kemesraan
menterjemah makna kejiranan.

IV

Ah, kanak-kanak
biar berlainan agama
biar berlainan bangsa
mereka saling bersalaman
dan berpeluk mesra
tanpa menghiraukan adat dan budaya;
membina keakraban tanpa curiga
membentuk perpaduan tanpa prasangka
bersatu hati membentuk jati diri
ke arah wawasan lebih bererti!

- (i) Huraikan **dua** gambaran kanak-kanak yang terdapat dalam rangkap pertama sajak. (3 markah)

- (ii) Banyak pengajaran yang dapat diperoleh daripada sajak Persahabatan. Nyatakan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut. (3 markah)

- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang akan berlaku sekiranya tidak wujud perpaduan dalam kalangan masyarakat di negara kita? (4 markah)

7 Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 2.

- (i) *Wira Persona Avatari* oleh Ahmad Zaki Abu Bakar
- (ii) *Erti Sebuah Pengorbanan* oleh Zaihanim Zainal Abidin
- (iii) *Lestari Bukit Menghijau* oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim
- (iv) *Di Sebalik Wajah* oleh Abang Saiftiddin Abang Bohari


Berdasarkan **satu** daripada novel di atas, bincangkan perwatakan **watak utama** berserta contoh-contoh yang berkaitan. (10 markah)

[illegible]

[15 markah]

8 *Lihat gambar rajah di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar rajah, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.*

FAEDAH BELAJAR MENGGUNAKAN KOMPUTER

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[30 *markah*]

- (i) Setiap murid perlu melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum.
Huraikan kepentingan kegiatan kokurikulum.
- (ii) Telefon pintar kian menjadi kegilaan remaja kini. Pada pendapat anda, apakah punca keadaan sedemikian berlaku?
Bincangkan.
- (iii) Kantin di sekolah anda tidak menyediakan perkhidmatan yang memuaskan. Pengusaha kantin pula tidak menjaga kebersihan di kawasan kantin sekolah.
Tulis sepucuk surat kepada pihak pentadbir sekolah untuk memaklumkan perkhidmatan kantin yang kurang memuaskan itu.

[illegible]

[illegible]